

**EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum
Jam 10.00 pagi, 5.8.2017**

**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**‘KONVENSYEN
MEMPERKUKUH PASAK NEGARA:
KE ARAH WASIAT LEBIH TERSURAT’.**

**TARIKH: 12 ZULKAEDAH 1438 / 5 OGOS 2017 (SABTU)
JAM: 10.00 PAGI
TEMPAT: HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Beta bersyukur ke hadrat ILAHI kerana dengan limpah rahmat daripada Nya juga, Beta dapat memenuhi undangan bagi menzahirkan titah dalam ‘Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat’. Konvensyen ini dianjurkan, pada ambang negara menyambut ulang tahun Jubli Intan kemerdekaan, bertujuan memperingati peristiwa bersejarah enam puluh tahun lalu. Pada 5 Ogos 1957, sembilan Raja Pemerintah di negeri-negeri Melayu, memberikan perkenan, menurunkan tanda tangan, menyerahkan kuasa pemerintahan masing-masing, membolehkan tertubuhnya sebuah Persekutuan; sebuah negara baru yang merdeka, dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu.

2. Institusi Raja Melayu adalah subjek yang amat menghidupkan minda Beta. Terlebih dahulu Beta mengisytiharkan kepentingan Beta sebagai seorang Sultan yang sedang bersemayam di takhta pemerintahan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Dengan demikian, Beta tidak terlepas daripada melakukan penilaian bersifat peribadi. Namun status tersebut sebenarnya memberikan kelebihan, membolehkan Beta melakukan penilaian daripada perspektif dalaman serta melakukan tafsiran berasaskan pengalaman, diperlengkapkan dengan adukkan perkara-perkara yang Beta pelajari dan berguru daripada rintihan suara rakyat di serata pelosok negara.

3. Institusi Raja berakar umbi di bumi ini lebih enam abad yang lalu. Sistem berkerajaan dan bernegara berpayungkan Raja mempunyai landasan sejarah dan tradisi. Pemerintahan beraja secara awal dan semula jadi mencerminkan amalan kesederhanaan – menolak ekstremisme dan untuk sekian lamanya, berperanan sebagai perekat sosial yang telah berjaya menyatukan warga. Istilah

'KERAJAAN' berasal daripada perkataan Sanskrit 'Ke-Raja-An'; mengandungi istilah RAJA, bermaksud rakyat yang tertakluk kesetiaan kepada seorang Raja Pemerintah.¹ Konsep rakyat di negeri Melayu Beraja pada zaman silam, bukannya berdasarkan wilayah sempadan geografi mengikut tradisi Eropah, tetapi hidup di bawah payung naungan dan berpaksakan Raja.² Amalan kesaksamaan terhadap rakyat pelbagai agama, pelbagai kaum, pelbagai budaya, pelbagai bahasa, adalah sebahagian daripada sifat dan citra Raja Melayu. Kesultanan Melayu Melaka sebagai contoh, mengiktiraf bahawa kemajuan, kemakmuran dan perkembangan intelek sesebuah negara, harus didukung bersama antara pembesar istana, dagang dan senteri, serta rakyat jelata, baik anak negeri mahupun orang luar, asalkan Raja, adat resam dan undang-undang Melaka dihormati, berpegangkan semangat *di mana bumi dipijak - di situ langit dijunjung*. Kerana itu, Kesultanan Melayu Melaka, pada era keagungannya, menggalakkan perkembangan ilmu dan mengamalkan dasar perdagangan terbuka. Pada puncak kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, terdapat lapan puluh empat bahasa dipertuturkan di kota pelabuhan Melaka,³ sebuah kota kosmopolitan, mempertemukan timur dan barat. Keagungan Melaka mengikut tulisan Tome Pires pada kurun keenam belas, diperteguhkan oleh Duarte Barbosa, digambarkan melalui tulisan berikut:

'...the city of Malacca is the richest seaport with the greatest number of wholesale merchants and abundance of shipping and trade that can be found in the whole world...'⁴

4. Sistem beraja telah menjadi benteng penghalang, menyukarkan British melakukan penjajahan mutlak; British sekadar berupaya memperkenalkan sistem Residen, satu bentuk penjajahan tidak langsung yang masih mengekalkan kedaulatan Raja Melayu. British, terpaksa mengadakan rundingan dengan Raja Pemerintah di setiap negeri, dan hanya berupaya melakukan penjajahan secara mencantumkan perjanjian-perjanjian yang diperoleh secara berasingan.

5. Ketika orang Melayu masih belum memiliki institusi politik yang tersusun, Raja-Raja Melayu secara kolektif berperanan sebagai juru bicara, menzahirkan suara, membela nasib dan melindungi kepentingan bangsa. DURBAR adalah forum Raja-Raja membincangkan perkara-perkara menyentuh urusan negeri dan rakyat. Pada asasnya mesyuarat DURBAR memperlihatkan tanggungjawab bersama Raja-Raja Melayu sebagai pelindung orang Melayu.⁵ DURBAR pertama yang berlangsung di Kuala Kangsar, pada 13 hingga 17 Julai 1897, berjaya mempertemukan empat Raja Melayu dari Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor. Empat negeri tersebut dirujuk sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan Raja-Raja kepada empat negeri berkaitan menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan yang mengadakan mesyuarat pertama di Kuala Kangsar, pada 11 Disember 1909; tetapi keempat-empat Raja Melayu, kemudiannya menarik diri daripada menjadi anggota pada 2 April 1927⁶; sementara negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu dirujuk sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Yang perlu diperingatkan, sembilan negeri yang terletak di bawah pemerintahan sembilan Raja Melayu, tercatat dalam sejarah dengan identifikasi NEGERI MELAYU. DURBAR adalah premis kepada penubuhan Majlis Raja-Raja. Mesyuarat Majlis Raja-Raja Negeri Melayu yang pertama diadakan pada 18 Februari 1948, di Kuala Lumpur dihadiri oleh kesemua sembilan Raja Melayu.⁷ Menjelang 'MERDEKA', lima puluh Mesyuarat Majlis Raja-Raja telah diadakan, antara tahun 1948 hingga tahun 1957.⁸

6. Raja-Raja Melayu peka dan memahami denyut nadi dan denyut jantung rakyat. Agama Islam, penggunaan Bahasa Melayu dalam pentadbiran, milik tanah, Pegawai Tadbir Melayu, bidang kuasa penghulu dan kadi, Rejimen Askar Melayu, pendidikan bangsa, The Malay College Kuala Kangsar, Sultan Idris Training College, Kolej Tunku Kursiah, penubuhan tabung pendidikan dan biasiswa di setiap negeri,

¹Anthony Milner, *The Malays*, (West Sussex: Wiley-Blackwell, 2008), 30, 47-74.

²Timothy P. Barnard (editor), *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*, (Singapore: University Press, 2004), x-xiii, 1-8.

³Zainal Abidin b. Abdul Wahid, "Kesultanan Melaka: Satu tinjauan Terhadap Pentadbiran", dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 210.

⁴The Book of Duarte Barbosa, Vol.II, 175.

⁵Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid, *Satu Abad Majlis Raja-Raja (1897-1997)*, 15. (dipetik daripada Abdul Aziz Bari, "The Development and Role of Constitutional Monarchy in Malaysia", Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, University Birmingham, 1996.

⁶Ibid, 193.

⁷Ibid, 16 & 194.

⁸Ibid, 17.

emansipasi wanita Melayu, adalah antara tuntutan yang dizahirkan oleh Raja-Raja Melayu. Raja-Raja menzahirkan kebimbangan terhadap sektor perlombongan yang meminggirkan orang Melayu sedangkan sektor pertanian yang merupakan sumber ekonomi utama orang Melayu diabaikan.

7. Kebimbangan akan kemungkinan orang Melayu menjadi kaum minoriti disebabkan imigrasi secara besar-besaran turut dizahirkan. Raja-Raja Melayu menzahirkan kebimbangan terhadap pelantikan Sir Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya di Tanah Melayu pada tahun 1948 berasaskan apa yang pernah dilakukan terhadap penduduk Arab, ketika Henry Gurney bertugas sebagai Setiausaha Negara di Palestin.⁹ Raja-Raja Melayu turut menzahirkan pandangan terhadap rancangan penempatan semula yang dianggap mencuri hak tanah kepunyaan Melayu.¹⁰

8. Perhatian berat Raja-Raja Melayu akan agenda pendidikan, ketara diperlihatkan apabila Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Perak, Sultan Selangor, Raja Perlis, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Pemangku Raja Johor serta Undang Luak Rembau dan Undang Luak Jelebu, mencemar duli berangkat ke Raffles College di Singapura untuk menyaksikan acara bersejarah penubuhan Universiti Malaya pada 8 Oktober 1949.

9. Kesultanan Melayu adalah satu manifestasi – satu lambang keagungan tamadun bangsa di bumi ini. Sembilan Raja Melayu bersemayam di sembilan negeri berdaulat sebelum terbinanya sebuah Persekutuan. Persekutuan Tanah Melayu, adalah gabungan sembilan negeri berdaulat dengan dua negeri Selat, dilahirkan setelah mendapat perkenan sembilan Raja Melayu, diperluaskan kemudiannya dengan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura untuk membentuk negara Malaysia dalam tahun 1963; pada 9 Ogos 1965, Singapura berpisah daripada Malaysia.

10. Penubuhan dan kemerdekaan sebuah Persekutuan dicapai melalui perundingan, persefahaman dan persetujuan tiga pihak, institusi raja, institusi rakyat dan Kerajaan Inggeris. Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, warga menerima hakikat bahawa sistem beraja adalah sebahagian daripada sistem berkerajaan dan bernegeri di bumi ini, yang wajar diteruskan. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) amat menghayati sistem pemerintahan berteraskan Raja yang terlalu berharga dan terlalu bernilai untuk ditiadakan. Tanah Melayu yang merdeka telah memilih untuk memeterai sistem pemerintahan beraja dengan menjelmakannya dalam bentuk dan acuan kontemporari. Kuasa Raja dan suara rakyat digabung dan diimbang, berpegangkan semangat, mengekalkan yang dikendong dalam usaha mencipta yang baru. Lalu diperkenalkan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi Raja dengan institusi rakyat, berasaskan konsep raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen. Kedaulatan Raja diberikan wajah baru, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni, diluhurkan dengan sebaik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

11. Ketetapan untuk terus mendaulatkan institusi Raja adalah satu pelanjutan adat - satu kesinambungan budaya, betapa keindahan adat – betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam dalam era modenisasi. Persekutuan Tanah Melayu ketika menghadapi opsyen menggubal PERLEMBAGAAN MERDEKA tidak sekadar mengekalkan tradisi beraja di peringkat negeri malah telah memperkenalkan satu lagi lapisan pemerintahan beraja di peringkat Persekutuan, dengan mewujudkan seorang Ketua Utama Negara bergelar Yang di-Pertuan Agong; Raja kepada seluruh Persekutuan, mengangkat martabat institusi Raja Melayu ke tahap lebih agung.¹¹ Secara harfiahnya gelaran tersebut bermaksud '*Dia Yang Terulung Di Kalangan Kami*', ia itu, '*primus inter pares*', Sesungguhnya, kewujudan takhta Ketua Utama Negara dan kaedah lantikan Yang di-Pertuan Agong, adalah satu kehebatan keaslian inovasi yang telah mengekalkan identiti negeri beraja – rakyat bersultan.

⁹Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda, The Winning of Malaysia Hearts and Minds 1948-1958*, (Surrey: Curzon Press, 2002) 56

¹⁰Ibid 93.

¹¹Simon C. Smith, "Moving a Little with the Tide: Malay Monarchy and the Development of Modern Malay Nationalism", *The Journal of Imperial and Commonwealth History*, Vol.34, No.1, (March 2006). 133.

**EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum
Jam 10.00 pagi, 5.8.2017**

12. Proses menggubal Perlembagaan untuk penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, bermula daripada persidangan yang berlangsung di London, antara 18 Januari hingga 6 Februari 1956. Delegasi Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada:

- i. Empat wakil Raja-Raja Melayu.
- ii. Ketua Menteri bersama tiga Menteri Persekutuan Tanah Melayu.
- iii. Pesuruhjaya Tinggi Inggeris berserta barisan penasihat.

13. Dengan perkenan Majlis Raja-Raja, sebuah suruhanjaya ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan sebuah negara merdeka.¹² Suruhanjaya Reid dipertanggungjawabkan, melakukan kajian, seterusnya mengemukakan perakuan. Antara Jun hingga Oktober 1956, Suruhanjaya Reid mengadakan 118 sesi pendengaran sebelum merumuskan perakuan pada 20 Februari 1957.¹³ Diantara perakuan utama dalam draf pelan induk PERLEMBAGAAN MERDEKA menyentuh perkara-perkara berikut:¹⁴

- (i) Keunggulan Perlembagaan.
- (ii) Badan Kehakiman yang bebas dengan kuasa melakukan kajian semula kehakiman.
- (iii) Kerajaan berteraskan sistem Persekutuan.
- (iv) Raja berperlembagaan di peringkat Persekutuan dan negeri.
- (v) Perlindungan khas hak Raja-Raja Melayu.
- (vi) Kedudukan istimewa orang Melayu.
- (vii) Hak kerakyatan kepada setiap orang yang dilahirkan di Persekutuan.
- (viii) Hak agama, budaya dan bahasa di kalangan bukan Melayu.

14. Kumpulan Kerja *Pakatan Tiga Pihak*, mewakili Raja-Raja Melayu, *PARTI PERIKATAN* dan Kerajaan Kolonial ditubuhkan, untuk meneliti perakuan Suruhanjaya Reid.¹⁵ Raja-Raja Melayu diwakili oleh Penyimpan Mohor Besar, Haji Mustapha Albakri, Shamsuddin Nain, Tunku Ismail dan Neil Lawson, QC; *PARTI PERIKATAN* diwakili oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin dan V.T. Sambanthan; Kerajaan Kolonial, diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi MacGillivray, Ketua Setiausaha Negara, Sir David Watherston, Peguam Negara T.V.A. Brodie, sementara E.O. Laird bertugas sebagai setiausaha. Antara 23 Februari hingga 27 April 1957, Kumpulan Kerja telah mengadakan dua puluh tiga mesyuarat, melakukan pengubahsuaian kepada perakuan asal Suruhanjaya Reid.¹⁶ Antara pengubahsuaian signifikan yang dilakukan menyentuh perkara-perkara berikut:¹⁷

- (i) Memperkukuh peranan Majlis Raja-Raja; sebagai forum yang melantik Ketua Negara; Majlis Raja-Raja berperanan menasihati Yang di-Pertuan Agong berhubung urusan lantikan tertentu menurut yang termaktub di dalam Perlembagaan; dan Majlis Raja-Raja perlu dirunding dalam perkara-perkara penting seperti perubahan sempadan dan wilayah, serta perkara yang menyentuh bidang kuasa Raja.
- (ii) Menggugurkan perakuan yang meletakkan batasan masa lima belas tahun untuk melindungi keistimewaan orang Melayu.
- (iii) Islam dikanunkan sebagai agama Persekutuan tanpa mengubah status Raja sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing; dan kebebasan beragama secara aman dan harmoni dijamin kepada bukan Islam.
- (iv) Memberi kuasa budi bicara kepada kerajaan untuk memberi atau menolak permohonan kewarganegaraan.

¹² JC Fong, *Constitutional Federalism in Malaysia*, (Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia, 2008), 9.

¹³ Shad Saleem Faruqi, *Document of Destiny: The Constitution of the Federation of Malaysia*, (Malaysia: Star Publications (Malaysia) Bhd., 2008), 6.

¹⁴ *Ibid.*, 7.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*, 8-9.

(v) Memberi tempoh satu tahun kepada mereka yang memiliki dua kewarganegaraan membuat pilihan.

(vi) Membenarkan pengajaran bahasa Cina dan Tamil serta penggunaan bahasa-bahasa tersebut dalam urusan tidak rasmi.

15. Ketika kesetiaan warga kepada negeri masih begitu mendalam – ketika warga kuat memiliki kebanggaan terhadap warisan, adat dan tradisi setempat, Raja-Raja Melayu telah mempamerkan jiwa besar, memberi perkenan untuk penubuhan sebuah Persekutuan. Jiwa besar yang dipamerkan oleh Raja-Raja Melayu telah memudahkan urusan penggubalan Perlembagaan. Lantas PERLEMBAGAAN MERDEKA berjaya disiapkan mengikut jadual. Sesungguhnya sembilan Raja Melayu pada hakikatnya telah membuktikan sebaik contoh, semangat untuk merealisasikan perwujudan sebuah negara bangsa, apabila bersedia memberi perkenan mengurniakan sebahagian besar kedaulatan dan menyerahkan sebahagian besar kuasa negeri masing-masing, memungkinkan tertubuhnya sebuah Persekutuan, di bawah konsep *Federalisme*. Apabila Raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat.

16. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 5 Ogos 1957 oleh Sir Donald Charles MacGillivray bagi pihak Ratu Inggeris dengan lapan Raja Melayu dan Tunku Mahkota Johor; berserta empat Undang dan Tunku Besar Tampin.¹⁸ Pada tarikh keramat, 31 Ogos 1957, Duke of Gloucester bagi pihak Ratu Inggeris menyerahkan Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra. Dalam gegak gempita teriakan *MERDEKA*: berkibarlah bendera *JALUR GEMILANG*, berkumandanglah lagu *NEGARAKU*, lahirlah sebuah negara merdeka lagi berdaulat. Perlembagaan Persekutuan berperanan sebagai carta dan kompas, sauh dan layar kepada sebuah bahtera merdeka. Pada September 1963, *Akta Malaysia* 26/1963 telah digubal, memberi wajah baru kepada PERLEMBAGAAN MERDEKA selaras dengan pembentukan negara MALAYSIA.¹⁹

17. Perlembagaan sesebuah negara, *sui generis* sifatnya, ia itu, berada dalam kelas tersendiri dan tidak sekadar dokumen undang-undang.²⁰ Perlembagaan Persekutuan pada hakikatnya mengandungi semangat dan roh negara, mencerminkan persetujuan-persetujuan yang di capai ketika negara memperoleh kemerdekaan;²¹ memperlihatkan semangat persefahaman – mempamerkan kesediaan berkompromi pelbagai pihak, mencerminkan satu kehalusan seni yang berjaya mengimbangkan kepentingan-kepentingan yang saling bercanggah²²– memantapkan pencapaian kata sepakat antara takhta dengan rakyat, antara rakyat sesama rakyat yang berlatar belakangkan pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa. Perlembagaan Persekutuan digubal bersumberkan warisan sejarah, satu kesinambungan yang berjaya mengekalkan tradisi ketika mengharung modenisasi. Termaktub di dalamnya, aspek warisan berkerajaan - aspek sejarah bernegara, berpayungkan Raja, bertiangkan Islam, bersalut budaya dan bahasa peribumi.

18. Perkara-perkara yang dizahirkan oleh Raja-Raja Melayu, sama ada secara lisan, perutusan warkah, begitu juga dalam mesyuarat-mesyuarat DURBAR, Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Raja-Raja, dianyam di dalam Perlembagaan Persekutuan, menyentuh tujuh perkara utama, seringkali dirujuk pada hari ini sebagai tujuh wasiat Raja-Raja Melayu. Terpahat secara tersirat – tertera secara tersurat di dalam Perlembagaan Persekutuan semangat menjunjung *Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu*, yang secara tegas menetapkan antaranya, kedaulatan Raja-Raja, Islam sebagai agama Persekutuan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Tanah Simpanan Melayu, kedudukan istimewa Orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain, diberikan jaminan untuk dilindungi pada setiap masa. Perkara-perkara ini tidak boleh dipinda di dalam Perlembagaan tanpa perkenan Raja-Raja.

¹⁸ JC Fong, 10.

¹⁹ Faruqi, 13.

²⁰ Abdul Aziz Bari, *Politik Perlembagaan: Suatu Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa dari Sudut Perlembagaan dan Undang-undang*, (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 2005), 25.

²¹ *ibid.*

²² Tunku Sofiah Jawa, Salleh Buang & Yaacob Hussain Merican (Edited by), *Tun Mohamed Suffian's: An Introduction To The Constitution of Malaysia*, (Petaling Jaya: Pacifica Publications, Third Edition, 2007) 429.

19. Setelah hampir enam puluh tahun tanah air mencapai kemerdekaan, setelah lima belas kali Raja Melayu secara bergilir bertakhta di singgah sana Ketua Utama Negara, setelah tiga belas kali pilihan raya umum dilangsungkan, dan setelah enam Perdana Menteri memimpin Kerajaan Persekutuan, pentafsiran Perlembagaan dengan perspektif yang menghormati sejarah penubuhan Malaysia, amatlah penting diperingatkan semula, malah wajib terus diperingatkan. Segala persetujuan, wajib dihormati. Perkara-perkara yang telah dipersetujui ketika penggubalan PERLEMBAGAAN MERDEKA, menyentuh prinsip-prinsip asas, tidak harus diperdagangkan untuk tujuan meraih keuntungan politik jangka pendek; tidak wajar dikorbankan kerana kepentingan untuk mengutamakan atau melindungi mana-mana pihak, baik organisasi mahupun individu. Prinsip-prinsip asas, terutama menyentuh Islam dan Melayu tidak boleh sama sekali dikompromikan. Walau apa sekalipun alasan, walau apa muslihatnya, matlamat jangka pendek oleh mana-mana pihak, jangan sampai ke peringkat menggadaikan nasib ummah di hari ini dan di hari muka. Ummah wajib berdiri teguh – berpendirian tegas, tidak berundur, walau setapak sekalipun.

20. Sebagai sebuah negara baru, pelbagai institusi negara sebenarnya masih melalui proses transformasi untuk mencari keseimbangan. Tempoh masa enam puluh tahun memenuhi peranan raja berperlembagaan, memberikan kematangan pengalaman kepada Raja-Raja mencapai satu tahap kefahaman akan peranan takhta terhadap negara dan warga. Raja tidak sekadar pelengkap memenuhi adat, negara beraja – rakyat bersultan. Raja bukan sekadar simbol untuk melaksanakan tugas-tugas keraihan semata-mata. Raja bukanlah monumen hiasan yang kaku - tanpa nyawa – tanpa jiwa. Raja-Raja tidak daripada kalangan insan yang buta penglihatan, pekak pendengaran dan bisu pertuturan. Segala perkara yang berlaku adalah dalam ruang penglihatan dan pendengaran Raja-Raja. Pandangan berterus terang Raja-Raja dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam, Bahasa Kebangsaan, perpaduan warga, kebebasan kehakiman, rasuah, salah guna kuasa, dan pelbagai lagi, tercetus daripada hasrat untuk memastikan negara terus stabil dan aman, warga terus sejahtera dan makmur.

21. Secara tradisi, sejak zaman berzaman, Raja setelah disembah maklum hal ehwal urusan negeri dan rakyat, mengamalkan sistem bermusyawarah untuk memperoleh nasihat dan pandangan. Berdasarkan catatan dalam *Sulalat al-Salatin*, sistem musyawarah amat diutamakan, dijadikan amanat penting kepada pewaris takhta seperti yang dilambangkan dalam wasiat Sultan Alauddin Shah kepada anakanda Baginda Sultan Mahmud Shah:

“Hai anakku, ketahui olehmu bahawa dunia ini tiada akan kekal adanya...melainkan iman...Adapun peninggalku ini hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, kerana segala hamba ALLAH semuanya terserah kepadamu,...Syahadan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya sekalipun, jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai, tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan adilnya; rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jikalau tiada akar nescaya tiada akan dapat berdiri. Adapun segala anak Melayu, jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum ALLAH,...jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaan mu binasa.”²³

22. Sistem raja berperlembagaan perlu ditafsiri sebagai perkongsian kuasa antara raja dan rakyat. Pada umumnya dan dalam banyak perkara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri. Selaras dengan semangat raja berperlembagaan, peranan Raja adalah memerintah, bukan mentadbir, tetapi bertanggungjawab mengawasi dan memastikan berlakunya pentadbiran yang adil lagi saksama - teratur lagi telus. Demi memastikan takhta dihormati, Raja wajib bersifat berkecuali, memisahkan diri daripada terlibat dalam sebarang kancah pertelingkahan politik kepartian dan menjauhkan diri daripada dijadikan instrumen untuk kepentingan mana-mana pihak. Raja hanya terlibat pada waktu dan ketika yang diperlukan.

23. Berpandukan doktrin raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen, peranan Raja hendaklah disandarkan kepada Perlembagaan Negara. Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi

²³Tun Seri Lanang, *Sulalat al-Salatin*, dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 151-152

negara. Mematuhi dan menghormati perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan bukan satu pilihan, tetapi adalah satu kemestian untuk membolehkan sistem pemerintahan demokrasi yang sejati dapat ditegakkan. Terkandung 183 perkara di dalam Perlembagaan Negara, merupakan antara Perlembagaan bertulis yang paling komprehensif, meliputi pelbagai perkara, begitu menyeluruh, digubal secara terperinci – di halusi secara teliti. *Dalam* bab akhir buku *An Introduction To The Constitution of Malaysia*, Tun Mohamed Suffian telah mencatat frasa berikut:

“For such a small country Malaysia has a fearfully long and elaborate Constitution and the visitor from Mars may be forgiven for thinking that our Constitution must have been devised by a mad professor of constitutional law

*...It is axiomatic that the present does not exist in vacuo but arises from the past, and when one considers the history of the country it is not difficult to realise why our Constitution is the long document it is, for each state and each interest insists, and quite properly too, on the writing into the Constitution of safeguards regarding its right”*²⁴

24. Raja memenuhi satu keperluan perlembagaan secara simbolik – secara fungsi. Selaku Ketua Negara, Raja berperanan sebagai tonggak kestabilan – sumber keadilan, teras perpaduan – payung penyatuan; lantas meningkatkan tahap keyakinan rakyat kepada sistem berkerajaan dan sistem bernegara berteraskan amalan demokrasi, berakarkan doktrin pengasingan kuasa. Sepuluh peratus atau 19 daripada 183 *Perkara* di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah *Perkara-Perkara* berkaitan Raja, mengabsahkan bahawa raja berperlembagaan di Malaysia berperanan penting dalam struktur kerajaan dan struktur negara bangsa.²⁵

25. Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara,²⁶ secara undang-undang menganggotai tiga cabang Kerajaan yang terdiri daripada cabang Perundangan, cabang Eksekutif dan cabang Kehakiman. Parlimen mengandungi tiga komponen, terdiri dari Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.²⁷ Diperuntukkan supaya Yang di-Pertuan Agong menurunkan cap mohor kepada Rang Undang-Undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan.²⁸ Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen.²⁹ Baginda adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan.³⁰ Baginda berkuasa mengampuni dan menangguhkan sesuatu hukuman.³¹ Baginda bertanggung jawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain.³² Baginda diperuntukkan budi bicara melantik seorang Perdana Menteri, tidak mempersetujui permintaan membubarkan Parlimen, menitahkan supaya diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja untuk membincangkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.³³

26. Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam bagi negeri Baginda di samping berperanan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.³⁴ Baginda diperuntukkan kuasa melantik dan membatalkan lantikan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri.³⁵ Baginda diperuntukkan kuasa membuat pengisytiharan darurat³⁶ serta

²⁴Tun Mohamed Suffian's, 425.

²⁵Fatimah Zainab binti Dzulkifli & Nazrul Dadziruddin bin Mohd. Zameri, "The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perception of Malay Community" dalam *Political Management and Policies in Malaysia*, 363.

²⁶Perlembagaan Persekutuan, Perkara 32.

²⁷Perlembagaan Persekutuan, Perkara 44.

²⁸Perlembagaan Persekutuan, Perkara 66.

²⁹Perlembagaan Persekutuan, Perkara 55.

³⁰Perlembagaan Persekutuan, Perkara 41.

³¹Perlembagaan Persekutuan, Perkara 42.

³²Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153.

³³Perlembagaan Persekutuan, Perkara 40(2).

³⁴Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(3).

³⁵Perlembagaan Persekutuan, Perkara 43(5) dan 43A(3).

³⁶Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150.

mengisytiharkan apa-apa ordinan sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak.³⁷ Baginda diperuntukkan kuasa atas nasihat Perdana Menteri untuk melantik ahli Suruhanjaya Pasukan Polis,³⁸ dan menurut budi bicara setelah menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam³⁹ dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.⁴⁰ Majoriti ahli-ahli Majlis Angkatan Tentera adalah atas lantikan Baginda.⁴¹ Bahagian Sembilan, Perlembagaan Persekutuan menggariskan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang Kehakiman.⁴² Atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja Baginda melantik Juru Audit Negara,⁴³ sementara Peguam Negara dilantik oleh Baginda atas nasihat Perdana Menteri.⁴⁴ Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lima ahli Suruhanjaya Pilihan Raya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja⁴⁵ dan Baginda dipertanggungjawab untuk memastikan Suruhanjaya Pilihan Raya mendapat kepercayaan awam.⁴⁶

27. Oleh itu amatlah tidak munasabah jika jawatan Ketua Utama Negara itu diwujudkan sekadar untuk menyempurnakan tugas-tugas *ceremonial* atau dianggap boneka untuk menurunkan mohor perkenan kepada setiap dokumen yang dipersembahkan, dengan mata tertutup, mulut terkunci dan tangan terikat, diwajibkan tanpa opsyen memberi sepenuh perkenan tanpa soal atas apa juga nasihat yang diangkat sembah kepada Baginda, apatah lagi jika nasihat tersebut menyimpang daripada undang-undang atau tergelincir daripada landasan keadilan atau berunsur penindasan atau boleh memudaratkan negara bangsa.

28. Raja tidak harus rasa tertekan dan tidak semestinya memberikan perkenan jika nasihat yang disembahkan bercanggah dengan tuntutan syarak, menyimpang daripada semangat Perlembagaan, bertentangan dengan keluhuran undang-undang serta melanggar prinsip keadilan sejagat, hingga memungkinkan berlakunya penindasan dan kezaliman. Apabila Raja dirujuk, Duli-Duli Baginda hendaklah memberikan pandangan secara bebas tanpa perasaan ragu atau pilih kasih; dan dalam perkara Raja perlu bertindak atas budi bicara, Duli-Duli Baginda hendaklah menyempurnakannya dengan hikmah dan kebijaksanaan demi membuktikan Raja bersifat arif, adil lagi saksama, sebagai penimbangtaraan yang bebas kepada cabang-cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman, demi memastikan terlaksana secara bermakna mekanisme semak dan imbang, sekali gus memperkukuhkan amalan demokrasi yang telus.

29. Majoriti *Perkara* yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan tersurat terang dan nyata; tetapi apabila menghadapi situasi kejutan, yang mencetuskan senario baru tanpa duluan, mungkin tidak ditemui perkara yang tersurat secara nyata. Lalu akan timbul kawasan kelabu, antara yang tersurat dengan yang tersirat; antara yang terang tertulis dengan semangat yang terselindung di sebalik yang tertera.

30. Dalam situasi sedemikian, Perlembagaan Persekutuan hendaklah ditafsirkan secara menyeluruh kerana kesemua peruntukan yang terkandung di dalamnya adalah berikat dan berkuasa.⁴⁷ Dalam penghakiman kes **Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor melawan Dato Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus**, Ketua Hakim Negara, ketika itu, Yang Amat Arif Raja Azlan Shah antara lain menyebut:⁴⁸

"In interpreting a constitution two points must be borne in mind. First, judicial precedent plays a lesser part than is normal in matters of ordinary statutory interpretation. Secondly, a constitution,

³⁷ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 150(2B)

³⁸ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 140(3)

³⁹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 139(4).

⁴⁰ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 141A(2).

⁴¹ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 137(3).

⁴² Perlembagaan Persekutuan, Bahagian Sembilan.

⁴³ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 105.

⁴⁴ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 145(1)

⁴⁵ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(1)

⁴⁶ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(2)

⁴⁷ Abdul Kadir bin Sulaiman, Ucaptama: "Kedudukan Islam Sebagai Agama Bagi Persekutuan Dalam Perlembagaan Persekutuan," 4.

⁴⁸ (1981) 1 MLJ 29

*being a living piece of legislation, its provision must be construed broadly and not in a pedantic way – with less rigidity and more generosity than other Acts”
(see Minister of Home Affairs v Fisher (1979) 3 All ER 21)*

Yang Amat Arif Raja Azlan Shah seterusnya menyatakan:

*“It is in the light of this kind of ambulatory approach that we must construe our Constitution. **The Federal Constitution was enacted as a result of negotiations and discussions between the British Government, the Malay Rulers and the Alliance Party relating to the terms on which independence should be granted.** One of its main features is the enumeration and entrenchment of certain rights and freedoms. Embodied in these rights are the guarantee provisions of Article 71 and the first point to note is that, that right does not claim to be new. It already exists long before Merdeka, and the purpose of the entrenchment is to protect it against encroachment.”*

31. Raja perlu bijaksana mengaplikasi kuasa budi bicara supaya apa juga ketetapan yang dititahkan akan memberikan sebaik-baik manfaat kepada negara dan warga. Dalam hasrat merumus ketetapan yang bijaksana, Raja perlu mendapat pandangan seluas dan sedalam mungkin, daripada seramai pihak, merentasi sempadan kaum – sempadan budaya – sempadan politik, daripada dalam dan luar kerajaan, merangkumkan pendapat ulama dan umara, para akademia dan para intelek, warga tua dan warga muda; menganalisis segala fakta secara teliti, halus lagi mendalam, membezakan antara padi dengan antah, antara kaca dengan permata, sebelum mengaplikasikan kuasa budi bicara yang diperuntukkan.

32. Ketika merumuskan sesuatu keputusan, Raja bergantung kepada fakta dan maklumat yang disembahkan. Raja tidak berupaya melakukan yang terbaik dan yang paling bijak, jika tidak disembahkan dengan nasihat yang betul dan maklumat yang tepat, jika terus dipagari dengan kepalsuan dan dihiaskan dengan kepura-puraan. Amatlah penting untuk Raja disembahkan pandangan secara tepat – secara objektif, berlandaskan kebenaran – berteraskan fakta. Adalah penting untuk barisan yang dipertanggungjawabkan menasihati Raja bersifat ikhlas, arif lagi berilmu, berkata benar, supaya Raja tidak dibuai dalam khayalan dan tidak diulit dengan gurindam kepalsuan. Pihak-pihak yang memalsukan fakta dan melindungi kebenaran daripada Raja Pemerintah, derhaka sifatnya.

33. Kebijaksanaan adalah elemen penting membolehkan Raja berperanan secara berkesan untuk dapat memberi keyakinan terutama dalam urusan membantu menyelesaikan sesuatu krisis dan kekusutan. Di sebalik apa yang tersurat, Raja telah membuktikan sifat bijaksana dan perlu terus bijaksana mentafsir yang tersirat. Paduka Seri Ayahanda Beta, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah), pernah bertitah:

“Raja Pemerintah adalah Raja Pemerintah, sama ada secara mutlak atau secara raja berperlembagaan. Perbezaan antara keduanya adalah satu ditafsiri tidak mempunyai batasan kuasa dan satu lagi bertindak tertakluk kepada kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan. Tetapi adalah satu kesilapan untuk memikirkan bahawa peranan seorang Raja Pemerintah itu sama seperti seorang Presiden, terbatas kepada apa yang tersurat di dalam Perlembagaan. Peranan Raja Pemerintah mengatasi apa yang tersurat dalam Peruntukan Perlembagaan.”⁴⁹

34. Titah tersebut boleh disalah mengertikan seolah-olah Almarhum menganjurkan bahawa Raja Pemerintah memiliki kuasa mutlak tanpa batas. Namun dikalangan mereka yang mengenali akan sifat pekerti Almarhum, Marhum Sultan Azlan Shah Al-Maghfur-Lah, amat menghormati undang-undang. Apa yang dimaksudkan, ialah Raja Pemerintah mempunyai tanggungjawab lebih luas, memastikan bahawa semangat Perlembagaan, falsafah di sebalik setiap undang-undang, kepentingan lebih besar negara dan warga hendaklah senantiasa difahami, dilindungi dan diutamakan. Yang penting diawasi dan ditegaskan:

Pertama: Raja adalah sebahagian daripada institusi negara yang dapat berperanan positif memperkukuhkan sistem demokrasi dengan melaksanakan tanggungjawab semak

⁴⁹Sultan Azlan Shah, Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance: Selection of Essays and Speeches, (Kuala Lumpur: Professional Law Books, 2004), 278.

dan imbang kepada cabang-cabang legislatif, eksekutif dan kehakiman, demi memelihara kepentingan dan kebajikan warga.

Kedua: Raja tidak menyalahgunakan kuasa budi bicara hingga bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan undang-undang.

35. Kebijaksanaan menggunakan budi bicara secara tepat, betul, adil dan pada masanya, amatlah penting, yang memerlukan hikmah dan dizahirkan secara berhemah. Hikmah adalah himpunan kumulatif kebijaksanaan, terkumpul sebagai khazanah melalui asuhan, bimbingan, didikan, pengajian, pengamatan, kematangan serta amal dan pengalaman. Hikmah memberikan kelebihan membolehkan seseorang insan secara tenang dan tenteram mencapai rumusan secara tepat lagi bijaksana. Berdasarkan pendedahan dan pengalaman peribadi yang Beta tempuhi, sesungguhnya, himpunan dan gabungan pengalaman Raja-Raja adalah khazanah yang sangat relevan lagi dapat membantu negara bangsa ketika berhadapan situasi kejutan di luar jangkaan.

36. Raja Pemerintah mempunyai tanggungjawab memastikan bahawa semangat Perlembagaan, falsafah di sebalik setiap undang-undang yang digubal serta kepentingan lebih besar negara dan warga senantiasa dilindungi. Raja Pemerintah berada dalam kedudukan yang berupaya mempengaruhi dan menentukan arah haluan. Vernon Bogdanor dalam bukunya "The Monarchy and the Constitution" menyatakan:

"Concentration upon the constitutional powers of the sovereign is liable to give a misleading picture of the contemporary role of a constitutional monarch, for the prime constitutional role of the sovereign occurs, not when a ministry begins or comes to an end, but during the everyday life of a government, and consists in the exercise of influence rather than power"

Bogdanor selanjutnya memetik konsep *classical trinity* Walter Bagehot⁵⁰ pada pertengahan abad kesembilan belas yang menghuraikan pandangan bahawa raja berperlembagaan memiliki tiga hak:

- Pertama: hak untuk menyampaikan nasihat dan pandangan.
- Kedua: hak untuk memberi galakan dan dorongan.
- Ketiga: hak untuk memberi peringatan dan teguran.

Raja yang arif, tidak memerlukan sebarang tambahan kuasa jika ketiga-tiga hak ini berjaya dikendalikan secara bijaksana lagi berhemah.

37. Sesungguhnya, para pengasas kemerdekaan negara ini telah mendapat petunjuk ILAHI, dengan wawasan bijak membentuk KERAJAAN MERDEKA di bawah naungan raja berperlembagaan. Oleh itu, adalah menjadi tanggung jawab Raja Pemerintah memperlihatkan kepada warga akan relevansi Institusi Raja, terutama untuk memenuhi peranan semak dan imbang dalam urusan tadbir kerajaan yang berpaksikan sistem raja berperlembagaan- demokrasi berparlimen.

38. Raja Pemerintah adalah rangkaian institusi dan individu; satu melambangkan takhta dan kuasa, satu lagi watak yang bertanggungjawab memberi nafas – mengisi roh kepada institusi. Raja berperanan utama memberi kepimpinan, menjadi contoh – menjadi teladan untuk dijadikan pedoman – memberi panduan, disandarkan harapan – memberi naungan. Raja dihormati – dimuliakan, dinobatkan – didaulatkan, kerana Raja diiktiraf memiliki kedudukan tertinggi dalam hierarki pemerintahan, tempat rakyat tumpang berteduh – tempat warga dapat berlindung. Integriti institusi Raja amat dipengaruhi oleh tutur dan tingkah laku Raja. Apabila secara perkataan mahupun secara perbuatan, Raja membuka ruang, membolehkan institusi Raja dikritik, akan tercalarlah darjat kemuliaan takhta.

⁵⁰Vernor Bogdanor, *The Monarchy and the Constitution*, (Oxford University Press, 1995), 410

39. Beta menjadikan pedoman ungkapan kata-kata Paduka Seri Ayahanda Beta, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah (Marhum Al-Maghfur-Lah) sewaktu Baginda dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1980:

“Bahawa selagi rakyat menaruh kepercayaan terhadap Raja dan menghormati Institusi Raja, selagi itu takhta tidak akan dipindahkan dari istana ke muzium...; bahawa takhta juga tidak boleh lari daripada hukum ALLAH, hukum yang ditetapkan ke atas seluruh umat manusia tanpa mengira raja atau rakyat.”⁵¹

40. Beta insaf bahawa citra dan daulat, bergantung pada kesempurnaan keperibadian seseorang Raja. Raja dan kerabat Diraja pada hari ini, tidak lagi bersemayam secara terpisah dalam batasan perkarangan istana. Perhubungan Raja dengan rakyat tidak lagi terbatas kepada sekumpulan kecil pembesar istana, malah ketara semakin terbuka; satu perkembangan sihat, membolehkan Raja memahami realiti bahawa darjat dan daulat, tidakkan bulat datang menggolek – tidakkan pipis datang melayang. Raja perlu membuktikan secara meyakinkan satu tahap pencapaian, mempamerkan perilaku dan keperibadian yang sejajar diberikan kemuliaan dengan menghayati semangat Raja adil – Raja disembah.

41. Beta mengambil pengajaran bahawa takhta yang kini tinggal di dalam sejarah adalah kerana perbuatan tidak bertanggungjawab para wazir dan pembesar istana, menyembahkan nasihat yang salah; pada akhirnya negara tergadai dan warga berkecai. Sejarah juga menunjukkan ada takhta yang turut terkorban disebabkan salah laku para pembesar yang mementingkan diri sendiri ketika berteduh di bawah payung naungan takhta.

42. Raja-Raja yang masih memiliki takhta wajar mengambil iktibar daripada evolusi yang rancak berlaku di serata dunia. Pendemokrasian pendidikan telah melahirkan masyarakat lebih terbuka, memudahkan minda manusia bersifat lebih kritis. Era teknologi maklumat – era komunikasi telah menembus sempadan negara – sempadan geografi. Rakyat semakin terdedah dengan sumber maklumat dan berada dalam kedudukan yang berupaya melakukan penilaian terhadap institusi raja. Ekonomi berpaksikan pengetahuan memberikan kemerdekaan baru membina kekayaan bersumberkan daya intelek, sekali gus mengurangkan keperluan majoriti insan mendapat naungan. Pendalaman fahaman agama menyedarkan manusia akan kuasa yang Maha Agung di atas segala kuasa dan segala kerajaan di dunia. Media terutama media baru semakin mencanai minda masyarakat yang menuntut kepada amalan ketelusan dan kebertanggungjawaban pemimpin. Raja dan kerabat Diraja tidak terkecuali daripada sasaran lensa dan pena media. Raja tidak harus memandang sepi akan peranan media dalam maya yang semakin terbuka. Raja juga wajib menghindarkan diri daripada terjebak atau terperangkap secara langsung dalam sebarang litar putaran media.

43. Islam menyuntik dimensi baru kepada tatacara pemerintahan Raja Melayu, beralih daripada pemerintahan berpaksikan individu kepada pemerintahan berpaksikan syariah; menegaskan dua konsep, adil dan muafakat.⁵² Islam menghapuskan konsepsi lama yang menganggap Raja sebagai ‘*penjelmaan tuhan di bumi*’, status yang meletakkan Raja sama taraf dengan tuhan, beralih kepada konsepsi bahawa Raja adalah ‘bayangan ALLAH di muka bumi (*zillulah fi al-Ard*)’.⁵³ Hubungan batiniah Raja dengan para dewata ditinggalkan, di sebaliknya talian spirituil dirangkaikan dengan ALLAH dan Rasul serta kekudusan para aulia – para anbia.⁵⁴ Tuntutan agama Islam amat ketara dalam deskripsi Raja Melayu.⁵⁵ Digambarkan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al Nafis*, bahawa fungsi utama penyandang gelaran Raja adalah untuk menjunjung hukum ALLAH di muka bumi, bahawa krisis akan terjadi jika perintah ALLAH

⁵¹Raja Tan Sri Azlan Shah, “Ucapan wakil siswazah kehormat”, Universiti Sains Malaysia, 25 Jun 1980.

⁵²Hj. Muzaffar Dato Haji Mohamad dan (Tun) Suzana (Tun) Hj. Othman, *Melayu Islam Beraja: Menggali Hakikat Leluhur*, (Kuala Lumpur: Pustaka BSM Enterprise, 2003), 43.

⁵³Abdullah Alwi Hassan, “Perkembangan Institusi Pentadbiran Islam di Malaysia”, *Kertas Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya: 16-18 Ogos 1994) 1

⁵⁴Muhammad Yusoff bin Hashim, “Kesultanan Melaka Dan Budaya Politik” dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 192.

⁵⁵Virginia Matheson Hooker, “Kajian dan Pengenalalan, Raja Ali Haji”, *Tuhfat al Nafis*, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka 1998) xvi.

diingkari, dan apabila Raja memerintah dengan nafsu.⁵⁶ Di dalam Hikayat Aceh, dicatatkan, kata sepakat yang dicapai dalam musyawarah Raja-Raja dan kadi-kadi untuk menurunkan Sultan Seri Alam daripada takhta kerana sifat boros Baginda; demikian pula tindakan yang dilakukan ke atas Sultan Zainal Abidin apabila Baginda bersifat zalim.⁵⁷ Undang-undang Melaka⁵⁸ menegaskan bahawa martabat tinggi seseorang Sultan dinilai daripada sudut amal makruf menyempurnakan tanggungjawab. Terkandung di dalam kanun bahawa seseorang Raja perlulah mengamalkan sifat-sifat perkasa lagi tegas, adil lagi saksama, pengampun lagi belas kasihan. Sultan Mansor Shah tidak ada pilihan daripada menjatuhkan hukuman membuang negeri dari bumi Melaka ke atas putera Baginda yang membunuh anakanda kepada Bendahara Tun Perak.

44. Pada era Kesultanan Melayu Melaka, daulat dikaitkan dengan karisma Raja dan tuah Raja, apabila negeri aman, makmur dan kaya raya, tanaman dan tumbuhan subur di ladang, ternakan membiak, rakyat bertambah; maka Raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi berdaulat.⁵⁹ Hujjatul Islam Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam Kitab Ketatanegaraan, *Nasihatul Muluk (Nasihat untuk Raja-Raja)* yang ditujukan kepada para pemimpin Islam sezaman, menyemaikan budaya ilmu dan tata cara pentadbiran yang menegaskan perpaduan negara, berdasarkan kefahaman bermakna mengenai tuhan, hakikat alam semesta, kehidupan dan kehidupan selepas mati.⁶⁰ Islam menegaskan agar pemerintah menyayangi rakyat dan tentunya rakyat akan membalas kasih sayang tersebut.⁶¹

45. Sewajarnya Raja Pemerintah menghayati sifat-sifat agung ALLAH Subhanahu Wata'ala, sifat-sifat Maha Pengasih – Maha Penyayang, Maha Pemurah – Maha Pengampun yang mengatasi sifat murka Nya. Terkandung dalam kitab *al-Fawaid al-Bahiyah* tulisan Nuruddin al-Raniri, hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam tentang peranan dan tanggung jawab seorang Raja; bahawa sehari amalan seorang Raja yang adil, lebih afdal dari amalan seorang yang beribadat selama enam puluh tahun; bahawa Raja yang zalim atau mengkhianati warganya dan tidak menasihati mereka, tidak akan mencium bau syurga.⁶²

46. Jawatan berkembar dengan kuasa; dan kuasa disertai dengan tanggungjawab. Kedudukan dan kuasa adalah anugerah – adalah amanah daripada ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA. Kedudukan dan kuasa adalah ujian ILAHI di kalangan hamba Nya yang terpilih. Kedudukan ini tidak sama sekali boleh disalahgunakan dan kuasa yang ada perlu digunakan secara adil untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Berpeganglah kepada prinsip, bahawa kuasa yang diamanahkan tidak harus mengatasi kuasa ILAHI.

47. Tataurusan negara adalah satu kesenian yang perlu dikuasai; terutama sekali usaha menyatukan warga dan memupuk kesetiaan kepada Raja – kepada negara. Tataurusan negara tidak berlaku semudah tulisan di kertas atau ungkapan di bibir. Tataurusan negara memerlukan seni urus yang halus – daya tadbir yang bijak, dilaksanakan melalui mekanisme yang berkesan, cekap dan telus; mekanisme tadbir yang tidak menyeleweng, serta jauh daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa. Takhta jatuh kerana jatuhnya negara, negara jatuh kerana resahnya rakyat. Urus tadbir negara yang lemah menjadi punca keresahan rakyat. Urus tadbir yang pincang merosakkan negara, dan akhirnya melemahkan takhta. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab Raja memerhati, mengawasi dan memiliki kekuatan untuk menegur para pentadbir agar mengurus tadbir negara, melaksanakan tanggungjawab secara amanah, telus, ikhlas dan jujur; memastikan kestabilan kerajaan, memajukan kemakmuran negara dan menjamin kesejahteraan warga. Tanpa warga, tidak akan terbina sebuah negara, tanpa negara tidak akan ada kedaulatan takhta.

48. Segala yang berlaku, diikuti oleh istana secara dekat, diteliti dan dihalusi, ditimbangkan cerita – diimbangkan berita. Raja juga dikurniakan ILAHI dengan akal – dengan fikiran, dilengkapkan dengan deria

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Teuku Iskandar, *Kajian dan Pengenalan Hikayat Aceh*, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2001) 30-31.

⁵⁸ Teks Abad keempat belas.

⁵⁹ Muhammad Yusoff b. Hashim, 189.

⁶⁰ Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia: Membina Negara Maju Dan Bahagia*, (Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN, 2010), 16

⁶¹ Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Tirmidhi, dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 19

⁶² Wan Mohd. Nor Wan Daud, 42.

– disempurnakan dengan hati. Raja juga memikul amanah ALLAH Subhanahu Wata'ala yang wajib dipenuhi. Sebagai *Amirulmukminin*, Raja bertanggung jawab menyempurnakan tuntutan *Fardu Kifayah* kepada watan - kepada ummah. Setiap minggu di mimbar Jumaat, Katib mendoakan - jemaah mengaminakan, akan kesejahteraan Raja, agar Raja berdaulat lagi mulia, gagah lagi perkasa, memerintah secara adil lagi saksama, supaya negara aman, sentosa, selamat lagi sejahtera. Warga semestinya meletakkan harapan agar doa mereka dikabulkan ILAHI. Ia tidak sekadar doa, ia juga seruan – ia juga peringatan, akan tanggung jawab dan harapan yang diletakkan kepada Raja.

49. Nyatalah Raja mendukung amanah berat; peranannya bukan sahaja dinilai oleh warga di dunia ini, tetapi akan turut diadili di Padang Mahsyar nanti. Di Mahkamah Rabbuljalil, berhadapan ALLAH Yang Maha Esa, Raja ketika itu sudah tidak ada Peguam Negara; ketika itu Raja juga bergantung kepada amal makruf yang telah disempurnakan untuk menjadi Peguam Belanya.

50. Takhta ketika ini, berhadapan cabaran lebih kompleks, malah amat perlu menyempurnakan peranan yang semakin mencabar dalam orbit moden Malaysia, berhadapan komposisi warga muda yang bertambah meningkat bilangannya serta memiliki pelbagai idealisme, di samping terdedah kepada pengaruh globalisasi. Raja harus bersedia membolehkan berlakunya perubahan dalam rangka kesinambungan budaya. Dalam memenuhi peranan sebagai kustodian, pewaris kekayaan adat dan adab, Raja berkewajipan memiliki hikmah merangkai yang lama dengan yang baru, mengizinkan modenisasi di samping memelihara tradisi.

51. Pada hari ini, pemahaman warga terhadap Institusi Raja bagaikan berada di dua penghujung pendulum, ada yang menghargai relevannya, ada pula yang kabur akan peranannya. Dalam menghadapi cabaran dinamik politik yang sedang berlaku, Institusi Raja sedang melalui satu lagi evolusi, menimbang dan mengimbangkan harapan tinggi rakyat agar takhta memenuhi peranan secara bermakna, berlandaskan semangat yang termaktub di dalam perlembagaan. Demi memastikan imej dan peranan takhta terus bertenaga - kekal dinamik, serta berupaya menangani tuntutan dan keperluan semasa, terutama dalam memenuhi peranan mekanisme semak dan imbang secara bermakna, serta sebagai payung kesatuan dalam kepelbagaian, Institusi Raja telah berulang kali dipohon, melandaskan paksi baru serta melakarkan ruang peranan yang lebih relevan dalam era yang semakin berubah.

52. Dalam suasana menyambut ulang tahun kemerdekaan kali keenam puluh ini, seyogianya Beta mengulangi semula ungkapan peringatan yang pernah Beta zahirkan pada 7 November 2012:

“Ketika dilambung ombak globalisasi, warga perlu bijaksana mengimbangkan antara tuntutan tradisi dan permintaan modenisasi, agar air tempayan tidak terlalu cepat dicurahkan kerana mendengar guruh di langit. Institusi Raja adalah penerusan tradisi untuk mengekalkan identiti negara bangsa, satu lambang kedaulatan – payung mahkota negara. Institusi Raja mungkin pelita lama tetapi kekal memancarkan cahaya. Pelita lama jangan terlalu cepat mahu dibuang kerana riak melihat fajar yang sudah menyingsing; ingatlah hari siang juga akan berakhir, jangan nanti bila senja mendakap malam, warga mula teraba-raba, hilang haluan diselimuti kegelapan malam, kerana pelita lamanya sudah tiada lagi.”⁶³

53. Dengan hikmah, kebijaksanaan, serta kebestarian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, begitu juga Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, semoga warga terus diberikan naungan saksama. Ketika warga dilanda hempasan ombak perebutan kuasa, yang kelihatan semakin meretakkan perpaduan, barang dijauhkan warga dari menghadapi nasib, benang habis – kain tak jadi, jarum patah - baju tak siap. Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu berada dalam sebaik-baik kedudukan untuk melindungi kepentingan warga. Berkat daulat Raja-Raja Melayu, semoga warga yang berada di tangga dapat ke pelantar, jika di pelantar dapat ke anjung, yang di serambi dapat ke tengah rumah. Berkat naungan Raja-Raja Melayu, semoga warga dapat dibimbing, menapis yang keruh menjadi jernih, membuang yang bengkok – mengambil yang lurus.

⁶³Raja Nazrin Shah, “Institusi Raja Berperlembagaan; Kelangsungan Negara Bangsa”, Majlis Syarahan Perdana Kementerian Komunikasi, 7 November 2012.

**EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum
Jam 10.00 pagi, 5.8.2017**

54. Konvensyen ini berpotensi mengundang pelbagai pandangan. Semoga di sebalik segala kepelbagaian pandangan itu, pada akhirnya nanti, kita akan bersua dalam satu laluan intelek yang membolehkan berlakunya pertemuan pemikiran secara objektif lagi rasional; menerima hakikat bahawa perbezaan pandangan itu sebenarnya adalah satu kekuatan yang dapat membantu berlakunya keseimbangan dan konsensus dalam hasrat membina satu persefahaman – satu semangat, untuk membangunkan sebuah negara bangsa yang berdaulat lagi merdeka, gagah lagi perkasa, adil lagi saksama, makmur lagi sejahtera.

55. Semoga para peserta konvensyen dilimpahkan nur petunjuk daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala untuk menghasilkan rumusan terbaik demi masa hadapan negara dan warga.

Dengan kalimah BISMILLAHI ALLAH HU AKBAR, Beta rasmikan 'Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Lebih Tersurat'.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ